



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

06000 Jitra, Kedah Darul Aman

Tel : 9183300 / 9183317

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Gred G1 BUMIPUTERA yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Kubang Pasu** yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :


NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	GRED PENDAFTARAN/ KATEGORI PENGKHUSUSAN	BAYARAN	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
Membina Pagar Keselamatan dan Kerja Berkaitan Di Dewan Komuniti Ayer Hitam, MP Kubang Pasu (MPKP/PO/SH(K)/2/2022)	G1/CE CE21	Dokumen : RM30.00	Dijual mulai 21 Februari 2022 Sehingga 27 Februari 2022	28 Feb 2022 Jam : 12.00 tengahari
Menaiktaraf Longkang Di Taman Ihsan, MP Kubang Pasu (MPKP/PO/SH(K)/3/2022)	G1/CE CE21	Dokumen : RM30.00	Dijual mulai 21 Februari 2022 Sehingga 27 Februari 2022	28 Feb 2022 Jam : 12.00 tengahari

2. Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy. Untuk semakan kelayakan, kontraktor perlu emelkan Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta borang permohonan pembelian dokumen sebut harga ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com. Sekiranya layak, resit pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran. Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang
KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

3. Penyebut harga perlu melampirkan bukti pembayaran ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com

4. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan.**
5. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Syarikat / Kontraktor boleh melawat sendiri atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat / kontraktor mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Sila patuhi amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan.
6. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Jenis Kerja Tawaran dan Nombor Tawaran hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** pada atau sebelum jam 12.00 tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.
7. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.


AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN, AMK, BCK
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan : 20 FEB 2022